

Unsur Tumbuhan sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Iban

Plant Elements as Symbols in Iban Proverbs

Nur Alisha binti Mengga
(Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia)
aliz_90@yahoo.com

Published: 25 Jun 2023

To cite this article (APA): Mengga, N. A. Unsur Tumbuhan sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Iban: Plant Elements as Symbols in Iban Proverbs. *PENDETA*, 14(2), 1–10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.1.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.1.2023>

ABSTRAK

Peribahasa merupakan cabang seni sastra lisan dalam budaya masyarakat di dunia, termasuklah budaya masyarakat Iban. Peribahasa lahir daripada pengamatan anggota masyarakat terhadap fenomena alam, yang sarat dengan keunikan bentuk dan keindahan makna tersurat dan tersirat. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk meneliti unsur tumbuhan yang terdapat dalam peribahasa Iban. Kajian ini menggunakan kaedah senarai semak dengan melakukan analisis dokumen terhadap Kamus Peribahasa Iban yang ditulis Christy Duin Tanggi (1998). Hasil kajian mendapati bahawa aspek tumbuh-tumbuhan dimanifestasi dalam kehidupan seharian mereka. Kesemua unsur tumbuhan dalam peribahasa yang dikaji merupakan haiwan yang mempunyai kaitan dalam ruang lingkup kehidupan suku kaum tersebut. Kajian ini penting untuk memberikan pemahaman kepada golongan masyarakat yang mempunyai hubungan secara langsung dengan kelompok tersebut sebagai salah satu objektif untuk merapatkan jurang sosiobudaya dalam kalangan masyarakat di negara ini. Kajian ini juga boleh dikatakan sebagai kajian rintis untuk kajian-kajian lanjut mengenai bahasa suku kaum lain yang terdapat dalam negara Malaysia.

Kata kunci: peribahasa; kaum Iban; bahasa Iban; unsur tumbuhan

ABSTRACT

Proverbs is a branch of oral literature in the culture of societies in the world, including Iban society. Proverbs come from observations of the community based on natural phenomena, which are loaded with the unique design and the beauty of explicit and implicit meaning. Therefore, this research to identify the plant elements found in Iban proverbs. This study uses a checklist method by conducting document analysis on the “Buku Sempama Iban” written by Christy Duin Tanggi (1998). The results of this research found that the proverbs used by the Iban community are influenced by the elements of plants that occurred in their daily lives. All the elements of plants in the proverbs studied have relevance within the scope of Iban life community. This study is important to provide an understanding to the community especially people who directly in relationship with Iban community. This a way to bridge the gap in sociocultural among the community in this country. This study also as pathway for further research on the languages of other ethnic in Malaysia.

Keywords: proverbs; Iban people; Iban language; plant elements

PENDAHULUAN

Penggunaan bahasa dengan pelbagai strategi telah mewujudkan bermacam-macam nilai sosial dan kebudayaan yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat bahasa itu. Corak dan bentuk sesuatu bahasa itu bergantung kepada siapa yang menuturkannya dan dalam suasana mana bahasa itu digunakan (Nik Safiah Karim, 1992). Dengan ini (Bush, 1973; Clore, Ortony, & Foss, 1987; Davitz, 1969; Johnson-Laird & Oatley, 1989; Ortony, Clore, & Collins, 1988; Ortony, Clore, & Foss, 1987, dan Fussel, 2002; dalam BahrenUmar Siregar, 2010) menyatakan bahawa semua bahasa di dunia ini mempunyai berbagai-bagai strategi verbal untuk menyampaikan buah fikiran dan emosi penuturnya. Salah satu strategi yang digunakan melalui pembentukan peribahasa untuk menyampaikan gagasan, buah fikiran dan perasaan dalam pelbagai situasi dan tujuan komunikatif.

Pengetahuan tentang peribahasa sangat cetek dalam kalangan masyarakat Iban, terutamanya generasi mudakerana mereka menganggap peribahasa ialah bahasa yang digunakan oleh golongan tua sahaja. Malah adayang meragui kerelevanan penggunaan peribahasa dalam keadaan masyarakat sekarang yang serba moden. Dapatan kajian Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaidi Kas (2010) telah membuktikan bahawa tahap penguasaan remaja berhubung dengan peribahasa adalah kurang memuaskan atau pada tahap lemah. Tambahan, penggunaan peribahasa semakin jarang digunakan kerana masyarakat kita khususnya golongan muda senang menggunakan bahasa slanga atau bahasa rojak dalam komunikasi seharian mereka.

Peribahasa mempunyai dua peranan penting dalam kehidupan manusia. Pertamanya, peribahasa mampu berperanan sebagai saluran yang memaparkan pelbagai realiti dalam kehidupan masyarakat pengguna peribahasa itu. Kedua, peribahasa mempunyai nilai-nilai yang boleh dijadikan sebagai pedoman hidup baik antara manusia sendiri, manusia dan alam sekitar juga manusia dan penciptanya. Ishak (1990) menyatakan banyak peribahasa Melayu yang mengambil lambang alam sekeliling untuk memberikan makna yang padat dan tepat, yang terbit daripada pengalaman, pemerhatian dan pandangan tajam. Penulis menggunakan pendapat daripada sudut peribahasa Melayu kerana bahasa Iban dan bahasa Melayu mempunyai banyak persamaan khususnya dari segi bahasa kerana dua bahasa ini merupakan serumpun. AA.Cense dan E.M. Uhlenbeck (dalam Mohd Taib Osman, 1988) mengatakan bahawa bahasa Iban telah dianggap sebagai satu dialek bahasa Melayu. Oleh itu, masyarakat Iban tidak terkecuali mempunyai peribahasa dengan maknanya yang tersendiri. Masyarakat Iban atau Dayak Iban merupakan salah satu rumpun Dayak yang terdapat di Sarawak, Kalimantan Barat, Brunei, Sabah dan Johor. Mengikut sejarah lisan, pembentukan dan perkembangan budaya sosial kaum Iban khasnya atau Dayak amnya, terjadi semasazaman Kerajaan Dayak di Tampun Juah sebelum mengalami perpecahan kepada subsuku-subsuku yang ada pada masa sekarang. Dalam Wikipedia, Kaum Iban dikenali sebagai "*Master of Language*" oleh Derek Freeman, seorang pengkaji bahasa Iban. Beliau menyatakan bahawa orang Iban pandai dalam menggunakan bahasa, di setiap baris ayat, mencipta serta membina puisi dengan cantik, bijak dalam memilih dan menyusun ayat serta mempunyai banyak jenis puisi yang menggunakan penyusunan ayat yang menarik.

Bahasa, pemikiran dan alam sememangnya mempunyai hubungan timbal balik kerana wujudnya hubungan itu kerana bahasa menjadi alat pemikiran dan alam nyata ialah sumbernya. Hal ini terbukti kerana bahasa terdiri daripada sistem lambang yang menyatakan sesuatu hal atau mengandungi maksud tertentu, iaitu penanda yang tetap menyifatkan sifat, keadaan dan sebagainya. Rosline Sandai dan Saripah Banseng (2017) mengatakan persekitaran kehidupan sesuatu masyarakat begitu rapat dengan dengan alam sekitar membolehkan mereka membentuk perlambangan-perlambangan yang sesuai dalam membina ujaran lembut tetapi bermakna. Jadi, peribahasa Iban terbentuk daripada beberapa jenis unsur dan salah satu unsur pembentukannya adalah unsur tumbuhan.

PERNYATAAN MASALAH

Perbezaan bahasa dan budaya telah menjadikan masyarakat Iban di negara ini hidup dengan bahasa dan budaya yang berbeza-beza mengikut kelompok masing-masing. Pada zaman sekarang, bahasa Iban sudah mengalami perkembangan bahasa. Chemaline *et al.*, (2011) menyatakan jumlah penduduk kaum Iban yang kian bertambah telah menjadikan bahasa itu semakin penting dan selari dengan matlamat penggunaannya. Perkembangan

bahasa telah membenrikan implikasi positif akan peri pentingnya bahasa Iban sebagai bahasa ilmu dan perhubungan di peringkat komuniti mereka. Peribahasa Iban semakin terpinggir kerana generasi sekarang kerana corak komunikasi dahulu jauh berbeza dengan zaman sekarang. Kajian ini melihat unsur tumbuhan dalam peribahasa untuk mendalami kehidupan masyarakat Iban kerana unsur-unsur itu semestinya berkait dengan kehidupan mereka zaman dahulu. Secara tidak langsung, golongan muda akan lebih mengenali budaya sosial mereka selain menyemai semangat cintakan khazanah bahasa.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian tentang pengaruh alam dalam sesuatu bahasa sudah banyak dilakukan tetapi kajian yang berasaskan kepada peribahasa dalam bahasa Iban yang dipengaruhi unsur tumbuhan belum dikaji dengan terperinci. Peribahasa yang berkaitan dengan tumbuhan boleh ditemui dalam hampir semua bahasa dan budaya di dunia ini. Goh Sang Seong (2010) dalam kajiannya mendapati kedudukan geografi yang berhampiran menyebabkan kedua-dua pengguna bahasa Melayu dan bahasa Mandarin berhadapan dengan suasana persekitaran yang sememangnya banyak persamaannya. Jenis tumbuhan liar dan tumbuhan yang ditanam menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka telah banyak digunakan dalam peribahasa Melayu dan bahasa Mandarin sebagai lambang yang diberikan pelbagai tafsiran. Kajian ini mendapati sebanyak 261 peribahasa Melayu dan peribahasa Mandarin mempunyai lambang yang sama, antaranya penggunaan jenisbunga, jenis rumput, jenis buah-buahan dan tumbuhan liar yang melata di hutan. Sebagai contoh, bunga melur dilambangkan sebagai kesucian, keladi dilambangkan sebagai sifat miang orang tua-tua dan seperti juga kiasan untuk padi yang dikatakan menunjukkan sifat merendah diri berbanding tumbuhan seperti lalang.

Goh Sang Seong juga mengatakan dalam kajiannya yang berkaitan dengan pemindahan padi dalam bahasa Melayu dan Mandarin mendapati 78 peribahasa menggunakan unsur tumbuhan, iaitu padi. Situasi ini turut berlaku dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Iban. Pengkaji mendapati faktor sosial budaya yang tidak begitu jauh berbeza menyebabkan wujud persamaan makna dalam peribahasa meskipun cara pengungkapannya berbeza. Kajian Rozaimah dan Noriza Daud (2009) mendapati unsur perlambangan dalam peribahasa Melayu mengandungi dua jenis perlambangan, iaitu perlambangan yang berkonotasi positif dan negatif. Bagi konteks tumbuhan yang telah mereka kaji, didapati tumbuh-tumbuhan liar di hutan banyak digunakan dalam peribahasa.

Kajian-kajian terhadap peribahasa yang berunsurkan tumbuhan tersebut telah membuktikan dapatan masing-masing bahawa tumbuhan mewakili perlambangan yang berkonotasi positif dan negatif. Melalui dapatan tersebut juga dapat disimpulkan masyarakat memetik unsur tumbuhan dalam peribahasa kerana berlaku pengamatan mereka terhadap tumbuhan yang ditanam atau dilihat serta didapati ketika ke hutan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan:

1. mengenal pasti peribahasa Iban yang berunsurkan tumbuhan dalam ruang lingkup kehidupan mereka.
2. mengenal pasti makna serta penggunaan peribahasa yang berunsurkan tumbuhan mengikut konteks orang Iban sebagai penuturnya.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini berusaha untuk menjawab persoalan:

1. Apakah peribahasa Iban berunsurkan tumbuhan dalam ruang lingkup kehidupan mereka?
2. Apakah makna serta penggunaan peribahasa yang berunsurkan tumbuhan mengikut konteks orang Iban sebagai penuturnya?

KEPENTINGAN KAJIAN

Penyelidikan ini diharap berupaya memberikan manfaat kepada semua pihak, terutamanya golongan gurudan pelajar. Penyelidikan ini juga mempunyai beberapa kepentingan, terutamanya dalam ilmu linguistik Iban kerana pengkaji menggunakan pendekatan memanfaatkan unsur-unsur linguistik untuk melihat gelagat dan proses sosial yang berlaku dalam kehidupan masyarakat dahulu. Hal ini dinyatakan dalam perbincangan hubungan makna leksikal dengan peribahasa Iban dalam menggambarkan sesuatu keadaan atau perkara.

Perbincangan dalam kajian ini memberikan satu cara untuk masyarakat memahami peribahasa Iban dengan lebih baik menggunakan kaedah yang digunakan pengkaji. Perkara ini turut dapat membantu para pelajar dan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan kaedah digunakan oleh pengkaji. Secara tidak langsung, guru dapat mencipta alat bantu mengajar yang bersesuaian dengan kaedah semantik dalam memahami makna dalam memberikan pengajaran peribahasa yang berkesan. Implikasinya, murid-murid dapat menjawab soalan peribahasa dalam Kertas 1 dengan baik jika mereka memahami peribahasa terbabit. Peribahasa penting dalam pengajaran bahasa kerana menggalakkan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar, baik dalam bentuk tulisan dan lisan. Kemahiran berbahasa penting untuk mewujudkan budaya yang sihat dalam pergaulan para pelajar. Pengajaran peribahasa di sekolah memastikan warisan bangsa tidak dilupakan sekali gus mendedahkan pelajar dengan falsafah, pemikiran dan moral orang-orang dahulu untuk dijadikan pedoman hidup.

Tambahan, penggunaan bahasa Iban secara standard diperkasa pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Pusat Perkembangan Kurikulum sebagai bahasa elektif yang dipelajari di peringkat sekolah rendah dan menengah. Bahasa Iban turut dinilai dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kini dipelajari sehingga ke peringkat Diploma di Institut Perguruan Malaysia dan peringkat Ijazah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Jadi, kajian ini turut bersifat pengayaan untuk membuka mata masyarakat Iban khususnya, untuk giat melakukan kajian dan mempelajarinya kerana penggunaannya meluas.

Kajian ini dapat menjelaskan perubahan golongan kata dalam binaan peribahasa Iban. Melalui pemerhatian terhadap perubahan golongan kata dalam binaan peribahasa Iban ini memudahkan masyarakat mempelajari dan memahami peribahasa Iban. Kajian ini dapat melihat keupayaan masyarakat dahulu memanipulasikan bahasa dalam menyatakan sesuatu pandangan dan nasihat secara berlapis. Seterusnya, kajian ini penting untuk memaparkan keindahan peribahasa Iban yang mempunyai nilai estetik bahasa yang tinggi selain mengagumi intelek masyarakat dahulu. Kajian ini juga dapat menyedarkan masyarakat tentang nilai budaya yang terdapat dalam peribahasa Iban. Kajian ini merupakan satu kajian pengayaan untuk memupuk kesedaran, khususnya generasi muda untuk mempelajari "*sempama*" Iban serta mempertahankan khazanah bahasa masyarakat Iban.

Realitinya, generasi muda pada masa kini kurang menggunakan peribahasa dalam percakapan dan penulisan seharian menyebabkan peribahasa semakin terpinggir. Perkara ini mungkin dipengaruhi oleh kehidupan sosial masyarakat sekarang yang serba moden dan dikelilingi pelbagai kemudahan teknologi. Jadi, komponen peribahasa tidak dimasukkan dalam komunikasi harian, dengan alasan peribahasa lama tidak relevan untuk menggambarkan situasi kehidupan masa sekarang. Jika peribahasa tidak dipertahankan, masyarakat kehilangan khazanah bahasa yang mampu menjadi kebanggaan komuniti bahasa tersebut.

Chemaline *et al.*, (2011) menyatakan jumlah penduduk kaum Iban yang kian bertambah telah menjadikan bahasa Iban semakin penting dan selari dengan matlamat penggunaannya. Idea ini turut diperjelaskan oleh E.H. Gomes (1911), melalui pemerhatiannya semasa tinggal di bumi Sarawak. Beliau melihat corak kehidupan kaum Iban yang kian bertambah baik dari segi pemikiran, penjagaan kesihatan, pertanian setelah mereka mengutamakan aspek pendidikan. Penggunaan bahasa Iban yang semakin meluas di Sarawak malah tempat mendapat di institut pengajian tinggi, iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris telah memberikan impak positif akan peri pentingnya bahasa Iban sebagai bahasa ilmu dan perhubungan di peringkat komuniti mereka. Oleh itu, kajian sebegini wajar dilaksanakan untuk menanamkan kecintaan anak muda terhadap bahasa ibunda sendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini hanya terbatas dalam peribahasa Iban dan merupakan kajian pengayaan dengan menggunakan teknik senarai semak dan berusaha untuk mendeskripsikan unsur-unsur tumbuhan yang banyak didapati dalam peribahasa Iban. Data mentah diperolehi daripada Kamus Sempama Iban yang ditulis oleh Christy Dui Tanggi (1998). Kamus tersebut dilengkapi dengan dwibahasa iaitu Bahasa Iban dan Bahasa Melayu memudahkan pengkaji untuk memahami maksud sesuatu peribahasa dengan baik. Rasional penggunaan teknik senarai semak dalam mencerakinkan dapatan kajian kerana lebih menjimatkan masa dan senang untuk mendapatkan bahan mentah untuk kajian. Pengkaji memulakan kajian dengan memilih bahan kajian yang mudah didapati dan perlu dijelaskan sangat sukar untuk mendapatkan bahan-bahan sokongan dalam kajian yang mencakupi bahasa Iban. Justeru pengkaji menggunakan kamus *Sempama* Iban yang mempunyai dwibahasa Bahasa Iban dan Bahasa Melayu yang ditulis Christy Dui Tanggi. Seterusnya, pengkaji meneliti setiap peribahasa yang terdapat dalam kamus tersebut serta mengeluarkan peribahasa yang mempunyai unsur tumbuhan untuk diproses sebagai bahan kajian. Penelitian ini dibuat mengikut turutan abjad yang telah sedia ditulis oleh penulis kamus. Pengkaji telah menyediakan satu jadual untuk memasukkan data yang diperolehi. Pengkaji juga akan menjelaskan fungsi unsur tumbuhan dan tujuan pemakaian dalam peribahasa Iban.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada peribahasa Iban yang hanya tercatat dalam Kamus *Sempama* Iban yang dipilih. Penulis akan menyenaraikan data yang mengandungi unsur tumbuhan yang paling kerap digunakan dalam peribahasa Iban bagi membuktikan bahawa sememangnya unsur tumbuhan digunakan dalam ungkapan peribahasa Iban.

KAEDAH ANALISIS DATA

Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian ini dibincangkan berdasarkan kepada penyesuaian terhadap kerangka etnografi komunikasi yang dikemukakan Dell Hymes (1972) dengan huraian makna peribahasa kaum Iban yang berunsurkan tumbuhan berasaskan situasi, pemakaian, struktur dan fungsinya dalam konteks kehidupan masyarakat Iban. Namun, perbincangan dalam kajian hanya mencakupi tiga daripada empat perkara yang dikemukakan Dell, iaitu situasi, pemakaian dan fungsi dalam penggunaan seharian orang Iban.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif. Dapatan kajian dibincangkan berdasarkan kepada penyesuaian terhadap kerangka etnografi komunikasi yang dikemukakan oleh Hymes (1972) dengan menghuraikan makna peribahasa kaum Iban. Menurut Wang Shia Ho (2020) dalam artikelnya "Gambaran Kemewahan melalui Perlambangan dalam lirik lagu Hokkien Ji Pa Ban: Analisis Semantik Inkuisitif" analisis pada peringkat ini, persoalan timbul tentang sebab sesuatu perkataan dipilih ketika komunikasi dilakukan. Tiga perkara yang dibincangkan berkaitan dengan situasi, pemakaian dan fungsinya dalam peribahasa. Tumpuan perbincangan diberikan kepada unsur tumbuhan yang melatari kehidupan masyarakat Iban.

Masyarakat Iban sangat dekat dengan alam kerana menggunakan sumber hutan sebagai sumber makanan dan pendapatan. Pengkaji mendapati bahawa dalam *Kamus Peribahasa Iban* terdapat banyak unsur tumbuhan yang digunakan. Masyarakat Iban sememangnya menjalankan aktiviti pertanian dan banyak mengetahui jenis-jenis tumbuhan yang tumbuh di hutan mahupun yang ditanam. Jadi, perkara ini menyebabkan mereka terdedah dengan sifat dan keadaan unsur tumbuhan tersebut. Terdapat 34 peribahasa daripada 300 data dalam kamus terbit menggunakan unsur tumbuhan sekali gus kajian

ini menggunakan 34 peribahasa tersebut sebagai isi perbincangan kajian. Pengkaji turut memecahkan data kepada tumbuhan jenis tanaman dan tumbuhan jenis liar untuk menjelaskan pengaruh unsur tumbuhan terdapat pembentukan peribahasa Iban.

Jadual 1 Perbincangan peribahasa berunsurkan tumbuhan

Peribahasa	Makna
<i>baka rampu begulai enggau rian</i> Terjemahan: seperti timun diletakkan dengan durian	<i>orang baruh ti enda bedaya ngelaban penemu ketua sida laban nadai kuasa.</i> Terjemahan: orang bawahan yang tidak berdaya untuk melawan pihak atasan.
<i>baka bungai manah dikena, udah layu lalu dibuai</i> Terjemahan: seperti bunga yang cantik dipakai, tetapi sesudah layu, ia dibuang begitu sahaja.	<i>pengawa orang lelaki ti muai orang indu bakanya aja pengudah indunya udah nadai bajik agi.</i> Terjemahan: perbuatan lelaki yang sesuka hati meninggalkan perempuan kerana perempuan tersebut sudah tidak cantik seperti dulu.
<i>enda mukai-mukai orang ke makai nangka, enda mukai-mukai orang bukai dibalut getah</i> Terjemahan: orang lain yang makan nangka, orang lain yang kena getah.	<i>orang bukai ti ngaga penyalah, orang bukai ti diukum.</i> Terjemahan: orang lain yang melakukan kesalahan, orang lain yang dihukum.
<i>Nemu rian tingkar</i> Terjemahan: durian runtuh	<i>orang ti bulih pengaya ngenyit sereta enda disangka-sangka.</i> Terjemahan: mendapat rezeki yang lumayan tanpa disangka-sangka.
<i>Kera di babas ke makai padi, kera tupi dipalu</i> Terjemahan: kera di hutan yang makan padi, kera belaan yang dihukum	<i>ngukum orang ke salah.</i> Terjemahan: menghukum dengan membuta tuli.
<i>Pisang enda bebuah dua kali</i> Terjemahan: pisang tidak akan berbuah dua kali	<i>Utai ti udah nyadi sigi enda ulih nyadi kedua kali.</i> Terjemahan: sesuatu yang berlaku tidak akan berulang kembali.

Masyarakat Iban sememangnya melakukan aktiviti pertanian dan mengaut hasil hutan, jadi kehidupan mereka berkait rapat dengan alam semulajadi. Peribahasa *baka rampu* (timun) *begulai enggau rian* (durian) digunakan dengan melihat sifat kedua-dua buah-buahan ini. *Rampu* mempunyai kulit yang lembut dan *rian* mempunyai duri yang tajam. Jika diletakkan bersama, maka buah *rampu* akan calar terkena duri *rian* yang tajam. Situasi ini yang digunakan oleh masyarakat Iban untuk menunjukkan bahawa orang bawahan tidak mampu melawan orang atasan dalam membuat keputusan dimana buah *rampu* merujuk kepada orang bawahan manakala *rian* merujuk kepada orang atasan yang berkuasa. Dalam keadaan apa pun, buah *rampu* tetap tercalar dek kerana duri buah durian, begitulah diibaratkan orang bawahan dan orang atasan.

Peribahasa *baka bungai manah dikena, udah layu lalu dibuai* membawa maksud sifat lelaki yang sewenang-wenangnya meninggalkan perempuan. Dalam peribahasa ini, *bungai* (bunga) diasosiasikan sebagai perempuan menunjukkan jika bunga tersebut layu lalu dibuang begitu sahaja merujuk kepada perbuatan si lelaki yang meninggalkan wanita sesuka hati. Sebelum berkahwin, wanita dianggap bunga yang mekar harum sebaliknya terjadi selepas berkahwin. Peribahasa Iban ini sinonim dengan peribahasa Melayu yang berbunyi bunga laju, kumbang berlalu.

Peribahasa *enda mukai-mukai orang ke makai nangka, enda mukai-mukai orang bukai dibalut getah* bermaksud orang lain yang melakukan kesalahan, orang lain yang dituduh. Secara literalnya, buah nangka memiliki getah, jika orang lain yang memakannya dan orang lain pula yang terkena getah. Hal ini boleh diamati sebagai satu situasi dimana orang lain yang melakukan kesalahan, orang lain pula yang mendapat akibatnya. Peribahasa ini sinonim dengan peribahasa Melayu iaitu, orang lain yang makan nangka, orang lain yang kena getah.

Peribahasa *rian tingkar* bermaksud seseorang yang mendapat rezeki yang lumayan tanpa disangka-sangka. *Rian* bermaksud buah durian, manakala *tingkar* bermaksud jatuh dengan banyak. Peribahasa ini terdapat dalam peribahasa Melayu, iaitu seperti mendapat durian runtuh. Masyarakat Iban sememangnya menanam pokok durian dengan banyak di sesuatu kawasan dan situasi ketika durian tersebut jatuh dengan banyak tanpa diduga diasosiasikan untuk menunjukkan seseorang mendapat rezeki tanpa diduga.

Peribahasa *kera di babas ke makai padi, kera ditupi ke dipalu* membawa maksud seseorang yang menjatuhkan hukuman yang membuta tuli. Masyarakat Iban dahulu melakukan penanaman padi dan sangat menjaga padi mereka daripada sebarang perosak. Antara haiwan yang dianggap merosakkan padi ialah kerakerana kera pergi ke huma dan merosakkan tanaman padi mereka untuk mendapatkan buah pisang atau buah-buahan lain yang ditanam semasa menunggu padi masak. Terdapat juga orang Iban yang memelihara kera dan perkara inilah yang disifatkan kera di hutan yang melakukan kerosakkan kepada padi mereka, kerapeliharaan yang dituduh dan dihukum. Jadi, nenek moyang kita dahulu menggunakan situasi ini untuk menunjukkan situasi orang yang menuduh dan meletakkan kesalahan tanpa usul periksa sehingga menghukum orang yang tidak bersalah.

Peribahasa *pisang enda kala bebuah dua kali* membawa maksud sesuatu hal yang telah terjadi tidak akan berulang kembali. Secara logiknya, pisang adalah tumbuhan yang hanya akan berbuah sekali sahaja dan masyarakat Iban bijak menggunakan keadaan ini untuk menunjukkan sesuatu yang terjadi, baik yang dikesali atau sebaliknya tidak akan berlaku kali kedua. Perkara ini selalu dikaitkan dengan perasaan seseorang yang sudah terluka dan tidak rela memaafkan orang yang berbuat salah seperti keadaan seorang isteri yang dicerai si suami. Selain itu, keadaan dimana seorang anak yang menderhaka kepada kedua ibu bapa sehingga ibu bapa meninggal dunia boleh juga dikaitkan menggunakan peribahasa ini kerana perkara tersebut sememangnya tidak mungkin akan berlaku kali kedua.

Dapatan di bawah juga menunjukkan unsur tumbuhan sememangnya digunakan dalam masyarakat Iban. Tambahan, kehidupan kaum ini sangat dekat dengan alam semulajadi yang dipengaruhi flora dan fauna. Perbincangan boleh dilanjutkan dengan mengaitkan peribahasa yang menunjukkan perlambangan bagi maksud sifat atau tingkah laku manusia yang boleh dibahagi kepada positif atau negatif.

Jadual 2 Peribahasa Iban berunsurkan tumbuhan

Peribahasa	Utai babas (liar)	Utai tanam (ditanam)
Achuk rangkang Asaika diau di baruh punggu Rangkang siti mudah patah, rangkang dibekas enda ulih jamah Rebah punggu enda bedaun		√
Baka amau di puchuk tuga	√	
Baka rampu begulai enggau rian Nemu rian tingkar	√	
Baka bungai manah dikena, udah dikena lalu dibuai	√	√
Baka daun gawai		√
Baka ke bejalai nengah duri		√
Baka kepayang ngadaka dilah	√	
Baka rumpu ditisi jalai		√
Baka rutan tampung danan, baka wi tampung tali Semadi nadai rutan , randau tau ga dikena Urat kayu		√
Baka tekura tepantup ba bandir		√
Bingkuk batang empasa , lurus ulu lungga	√	
Buah empelam buah empelit, masam di dalam manis dikulit	√	
Betebu di mulut, belemetak di ati	√	
Bisi padi bisi beras , bisi budi bisi balas Kera dibabas ke makai padi , kera tupi dipalu	√	
Chabi padi Ukai baka pemisa chabi , baka pemisa lia	√	
Enda mukai-mukai orang ke makai nangka , enda mukai-mukai orang dibalut getah Sapa ke makai nangka , iya meh dibalut getah	√	
Pipit nelan buah embawang	√	
Pisang enda bebuah dua kali	√	
Tuat lada	√	
Uduk nyalak bukit Mimit-mimit lama-lama nyadi bukit		√
Mulut pulut, ati keladi	√	
Meragai baka mulung		√

Masyarakat Iban bijak mengadaptasi sifat tumbuhan dan meninggalkan pesanan atau nasihat kepada masyarakat secara berkias menggunakan peribahasa. Jika diteliti, terdapat peribahasa Iban yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Perkara ini dipengaruhi ruang lingkup kehidupan yang hampir sama dan factorsosiologi yang sama. Meskipun penggunaan unsur tumbuhan berbeza dari segi konteks dan penggunaannyatetapi fungsi kewujudan adalah sama iaitu memberi peringatan, sindiran dan pendoman hidup.

Pengkaji mendapati bahawa masyarakat Iban menggunakan unsur tumbuhan dalam peribahasa untuk menunjukkan sifat yang melatari sikap masyarakat dalam menangani sesuatu keadaan. Contoh peribahasa; *baka bungai manah dikena, udah layu lalu dibuai*, memberikan pesanan dan tegahan awal kepada kaum wanita agar berhati-hati dalam pergaulan antara lelaki dan perempuan kerana jika perempuan sudah tidak cantik dan menarik, mereka akan ditinggalkan begitu sahaja. Setiap perkara yang sudah terjadi tidak akan berulang kembali seperti yang diselitkan dalam peribahasa *pisang enda*

bebuah dua kali atau *asi udah nyadibubur*. Meskipun mesej berkaitan keagamaan tidak jelas dalam peribahasa Iban kerana orang Iban belum menganuti agama seperti masyarakat sekarang, namun garis panduan berkaitan kehidupan jelas dipaparkan dalam peribahasa Iban.

KESIMPULAN

Generasi sekarang kurang mempunyai konsep jati diri menyebabkan mereka kurang berminat menerokai peribahasa kaum sendiri. Penggunaan tumbuhan dalam peribahasa Iban merangkumi nilai budaya daripada aspek latar hidup, refleksi budaya dan pandangan dunia. Sebagai masyarakat yang sangat dekat dengan hutan, mereka menggunakan sifat tumbuhan sebagai satu teladan dan dijadikan sebagai acuan untuk mengolah peribahasa sebagai pedoman. Sifat mencintai bahasa ibunda perlu ditekankan dalam kemenjadi generasi muda pada zaman sekarang agar mereka tidak melupakan nilai budaya yang didukung dalam peribahasa tersebut secara tidak langsung.

Tumbuhan merupakan unsur terdekat dalam kehidupan kaum Iban. Hal ini dikatakan sedemikian kerana tumbuhan kerap digunakan dalam peribahasa mereka. Maksudnya, kaum Iban banyak terdedah kepada ciri tumbuhan terbabit sehingga mencetuskan idea untuk mengolah peribahasa yang berkait dengan unsur itu bagi memberikan teguran atau nasihat mahupun peringatan secara berlapis. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa peribahasa Melayu dan peribahasa Iban hanya berbeza sedikit sahaja dari segi penggunaan unsur dan konteksnya namun maksud dan tujuan kewujudan peribahasa adalah sama, iaitu memberi nasihat, peringatan, sindiran dan pedoman hidup. Penggunaan unsur tumbuhan dalam peribahasa turut membuktikan betapa dekatnya kehidupan kaum Iban dengan alam sekeliling. Masyarakat umum harus mempunyai keinginan untuk memahami bahasa dan budaya masing-masing ataupun peribahasa masyarakat lain jika ingin mengenali sesuatu kaum tersebut. Golongan muda, khususnya anak-anak muda berbangsa Iban sewajarnya mempunyai kecintaan terhadap khazanah bahasa sebegini. Semoga kajian ini mampu menjadi perintis kepada keinginan masyarakat menggali kekayaan peribahasa Iban kerana terdapat nilai-nilai budaya yang terkandung dalamnya.

PENGHARGAAN

*Penulisan kertas kerja ini adalah sebahagian daripada penulisan tesis Ijazah Sarjana Sastera yang sedang diusahakan oleh penulis (Nur Alisha binti Mengga) bersama penyelia (Prof. Madya Dr. Chemaline anak Osup) di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan (2002). *Koleksi terindah peribahasa melayu*. Pahang: PTS Publications Distributor Sdn Bhd.
- Chemaline Osup (2011). *Waris daya idup iban* Vol II. Bintulu: Pengari Iban Production. Chemaline Osup (2011). *Litaricha iban*. Bintulu: Pengari Iban Production.
- Christy Dui Tanggi (1998). *Sempama iban*. Kuching: Klasik Publishing House.
- Darwis Harahap (1994). Binaan makna. Telah diakses pada Mei 2, 2018 daripada <http://www.angelfire.com/id/ahmadawang/meaning.html>.
- Ding Choo Ming (2009). Beberapa sifat, asal-usul dan kepengarangan peribahasa Melayu. *Sari Internasional Journal of the Malay world and civilization*. Vol 27(2), 3-26.
- Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar (2016). Penginteprestasian peribahasa dan hubungan dengan kemahiran berfikir: analisis berdasarkan teori relevan. Telah diakses pada Oktober 21, 2018 daripada <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/07/5 Peribahasa.pdf>
- Hymes, D (1972). *Model of the interaction of language and social life*. In J. Gumperz & D. Hymes (Eds). *Direction in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication* (pp. 35-71). New York: Holt, Rinehart, Winston.
- Nik Safiah Karim (1992). *Beberapa persoalan sosiolinguistik bahasa melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosline dan Saripah (2017). Unsur bahasa kiasan dalam *sampi iban*. Telah diakses Julai 16, 2021 daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1250/904>.

Unsur Tumbuhan sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Iban

- Saidatul Nornis dan Mohd. Rasdi (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA Online Journal of Language Studies* Vol 13(1), February 2013
- Tarigan, H. Guntur (1985). *Pengajaran semantik*. Bandung: Angkasa.
- Osman Lebar (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim:Universiti Pendidikan Sultan Idris.